


Mendapan tanah LPT1: Kakitangan beroperasi 24 jam di lokasi

oleh ROSILAWATI ROSEDI 11 September 2023 08:12pm **Masa membaca: 2 minit**



Kakitangan operasi ditempatkan 24 jam di lokasi kejadian. Kerja-kerja pembaikan akan dilakukan setelah siasatan menyeluruh selesai dilakukan - Foto Anih Berhad

KUANTAN - Pengendali Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT1), Anih Berhad menempatkan kakitangan operasi sepanjang 24 jam susulan kejadian mendapan tanah yang mengakibatkan rekahan jalan di kilometer (KM) 118.2 ke KM117.8 arah barat ke Kuala Lumpur pada Ahad.

Anih Berhad dalam satu kenyataan pada Isnin berkata, langkah-langkah segera telah diambil untuk memantau secara visual dalam usaha menangani isu kegagalan tambakan projek tebatan banjir Lebuhraya Pantai Timur 1 (LPT 1) di laluan terbabit.

Menurut kenyataan itu lagi, setakat ini, tiada pergerakan baharu yang direkodkan di kawasan kejadian.

"Namun pihak syarikat dengan kerjasama kontraktor telah menempatkan penanda enapan bagi meneruskan pemantauan keadaan semasa.

"Pada waktu siaran, Anih Berhad serta pihak perunding sedang menjalankan kajian terperinci untuk mengenal pasti punca sebenar kejadian," katanya.



Tiada pergerakan baharu yang direkodkan di tempat kejadian. pix Ihsan Anih Berhad - Foto Anih Berhad

Tambahnya, kerja-kerja pembaikan akan dilaksanakan segera oleh pihak kontraktor setelah penyiasatan tapak secara menyeluruh selesai dilakukan dan cadangan pembaikan bersesuaian dikemukakan pihak jurutera perunding.

"Berdasarkan siasatan awal yang dijalankan pihak syarikat, terdapat kejadian resapan air bawah tanah di tapak projek yang menyebabkan runtuh cerun tambak di kawasan kerja-kerja tebatan banjir yang mengakibatkan rekahan di permukaan jalan di antara KM118.2 ke KM117.8 melibatkan lorong kecemasan dan sebahagian lorong perlahan.

"Sebagai langkah segera, Anih Berhad telah menutup sepenuhnya laluan ke Kuala Lumpur dan mengaktifkan sistem laluan kontra dari KM 116.5 sehingga KM 119.4 di laluan timur pada jam 4.15 petang Ahad dengan kerjasama dua pasukan ERT dan pihak IPD Temerloh bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku di lokasi," jelas kenyataan itu.

Dalam pada itu, Anih Berhad menasihati pengguna agar merancang perjalanan mereka dan memandu secara berhati-hati serta mematuhi arahan petugas di lokasi.

Bagi mendapatkan informasi tepat dan terkini, para pengguna disarankan untuk mengikuti saluran rasmi media sosial ANIH Berhad di Facebook (@Lebuhraya Pantai Timur) dan Twitter, (@LPTTrafik) serta Lembaga Lebuhraya Malaysia di Twitter (@lmmtrafik) dan Facebook (@Lembaga Lebuhraya Malaysia).

Untuk sebarang kecemasan, sila hubungi LPT - Line di 1-700-818-700 atau LLM di 1800-88-752.

